

05/05/1998

Jerebu: Semua perlu bekerjasama

KUALA LUMPUR, Isnin - Usaha kerajaan mencegah dan menangani masalah jerebu, khususnya menjelang Sukan Komanwel 1998 (Sukom '98) tidak akan berjaya tanpa pembabitkan dan kerjasama semua pihak, kata Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding.

Menurutnya, walaupun pelbagai langkah dan strategi dirangka di peringkat kebangsaan dan serantau, usaha itu tidak akan berjaya jika ia tidak dilaksanakan secara berkesan oleh semua pihak.

Setakat ini, katanya, hanya usaha di peringkat kebangsaan yang menampakkan kemajuan manakala kerjasama di peringkat serantau khususnya dengan Indonesia masih belum membuahkan sebarang hasil.

"Masalah jerebu bukan masalah setempat sebaliknya serantau serta dunia dan dengan itu ia menuntut kerjasama pelbagai pihak.

"Kerajaan tidak boleh melaksanakannya sendirian. Kita memerlukan kerjasama penuh daripada semua agensi, kementerian dan rakyat bukan sahaja di negara ini malah rantau dan dunia," katanya kepada pemberita selepas majlis penyampaian anugerah perkhidmatan cemerlang kementerian berkenaan, di sini hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bahawa pihak bertanggungjawab di negara ini dengan kerjasama negara jiran, khususnya Indonesia, bekerja keras mengelak ancaman jerebu terutama ketika Sukom berlangsung.

Law berkata, sejak perjanjian persefahaman (MoU) ditandatangani dengan Indonesia bagi meningkatkan kerjasama menangani bencana alam, termasuk jerebu, awal tahun lalu, belum ada sebarang tindakan dibuat berhubungnya.

Malah, katanya, jawatankuasa bersama yang sepatutnya ditubuhkan melalui MoU itu juga belum ditubuhkan. Kelewatan ini dikatakan berikutan rombakan Kabinet republik itu.

Di samping itu, kerajaan juga dengan kerjasama negara Asean, terutama Singapura, Indonesia dan Brunei melalui Pelan Tindakan Jerebu Asean akan meningkatkan keupayaan pengawasan dan penguatkuasaan pencegahan selain meningkatkan keupayaan memadam kebakaran, termasuk dengan menggunakan satelit.

Melalui kerjasama itu, pihak terbabit dapat mengambil tindakan awal bagi mengelak kebakaran, termasuk kebakaran hutan merebak dan melepasi sempadan sehingga menyebabkan jerebu.

Law juga berkata, bacaan indeks pencemar udara (API) di 22 stesen seluruh negara menunjukkan 16 tempat mencatat kualiti udara baik dengan bacaan di bawah 50 manakala enam stesen mencatat kualiti sederhana.

Sehingga semalam juga, sebanyak 256 kes pembakaran terbuka dikesan. Sabah mencatat jumlah kes terbanyak dengan 42 kes diikuti Selangor (39) dan Kedah/Perlis/Langkawi (29).

Daripada jumlah itu, 102 kes membabitkan kebakaran hutan, kebakaran ladang dan belukar (71), industri (43), tapak pelupusan (32) dan pembinaan (lapan).

"Daripada 55 kes yang disediakan untuk pendakwaan, tiga kes sudah difailkan di mahkamah, 10 kes dikemukakan kepada Timbalan Pendakwa Raya manakala selebihnya masih disiasat," katanya.

(END)